

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	<b>TAJUK</b>	<b>INTIPAN DRON PGA TUMPAS OPERASI PROSES E-WASTE HARAM RM1.3B</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>BH (17 FEBRUARI 2025)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>ALAM SEKITAR</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>6 (NASIONAL)</b>

# Intipan dron PGA tumpas operasi proses e-waste haram RM1.3b

**Pasukan Ulu Kinta buat rampasan terbesar sejak lima tahun hasil kerjasama dengan JAS Perak**

Oleh Nor Azizah Mokhtar dan Omar Ahmad  
khannews@bh.com.my

**Sungai Siput:** Pasukan Gerakan Am (PGA) Ulu Kinta menumpaskan kegiatan memproses sisa elektrik dan elektronik (e-waste) secara haram membahayakan rampasan bernilai RM1.3 bilion termasuk pelbagai jentera dalam serbaan di sebuah kilang di Jalan Sungai Siput-Kuala Kangsar di sini, kelmarin.

Komander Briged Utara Senior Komisyoner, Shahrum Hashim, berkata ia adalah rampasan terbesar sejak lima tahun lalu dan dilakukan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak di kawasan seluas 4.8 hektar milik Op Hazaar.

"Serbaan dibuat selepas risikakan menggunakan dron selama serbulan di premis itu yang menjalankan operasi di kawasan ini secara haram sejak sembilan bulan lalu. Rampasan membabitkan lebih 1,900 beg jumbo seberat satu tan setiap satu dan keseluruhan dianggarkan bernilai RM1.6 juta.

"Setiap beg ini mengandungi pelbagai barangan e-waste termasuk tembaga, timah dan aluminium," katanya ketika ditemui pada sidang media di kilang itu, di sini, semalam.

BERNAMA melaporkan, selain rampasan seramai 27 orang ditahan, iaitu dua warga tempatan, 14 warga China dan 10 warga Myanmar serta seorang kanak-kanak berusia dua tahun dipercayai anak kepada seorang pekerja warga Myanmar.

Shahrum berkata, mereka yang ditahan lingkungan usia dua hingga 60 tahun, termasuk dua warga tempatan itu dipercayai pemilik dan penyelia kilang.

Semua warga asing berkenaan diserahkan kepada Jabatan Imigrasi

resen Malaysia (JIM) untuk tindakan mengikut Akta Imigrasi 1959/63," katanya.

Shahrum berkata, e-waste berkenaan dipercayai diimport dari beberapa negara seperti Bolivia, Thailand, Oman, India dan Amerika Syarikat untuk diproses di kilang tersebut sebelum diangkut semula bagi pelbagai tujuan. Sementara itu, Timbalan Pengarah JAS Perak, Mohamad Rizal Ramli, berkata masalah bertukuk premis berkenaan tertakluk mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Kilang berkenaan didapati mempunyai dua kesalahan, iaitu tidak mempunyai lesen untuk beroperasi mengikut Seksyen 18(1) serta kelulusan Laporan Penilaian Kesam Kepadatan Alam Sekeliling (EIA) di bawah Seksyen 34 A(5) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya.

Beliau berkata, sampai rasmi kesemua e-waste itu akan dibahar ke Jabatan Rintis Malaysia untuk dianalisis bagi mendapatkan komposisi binaan sebelum tindakan pendakwaan dibuat.

**Selangan dua petak di Kuala Lumpur:** Di Johor Bahru, Polis Johor berjaya membongkar aktiviti menyimpan e-waste secara tidak sah, dipercayai membahayakan barangan diimport dengan rampasan bernilai RM71.5 juta.

Ketika Polis Johor, Datuk M Ramar, berkata dalam operasi khas Op Turing Landai Unit Risik Pasukan Polis Marin Wilayah Das dengan kerjasama Jabatan Alam

Sekitar (JAS) Negeri Johor dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), pihaknya menyertai tiga premis kilang di Mukim Pening, Desa Cemerlang, Ulu Tiram, Jumat lalu dari jam 6.10 pagi hingga 11 pagi.

Katanya, dalam serbaan itu dua lelaki warga asing yang juga pekerja premis turut ditahan.

"Antara barangan dirampas ialah 1,269 goni jumbo berisi pelbagai jenis logam termasuk besi, timah, tembaga, serta komponen automotif, elektronik dan plastik (anggaran 2,379 tan). Turut dirampas 47 jentera dan mesin pemprosesan, 28 palet berisi logam seperti besi, timah, tembaga dan komponen elektronik serta automotif (anggaran 22.4 tan), 19 tangki berisi komponen automotif dan serbuk besi (anggaran 41 tan).

"Polis turut merampas 13 tongkang besi dan komposen automotif (anggaran 95 tan), 10 tonggas, tiga telefon bimbit, dua tumbuk besi, sebuah ketuhar pembakar besi, dan satu raga aluminium berisi komposen automotif (anggaran berat dua tan).

"Turut dirampas pelbagai jenis bahan binaan serta peralatan pemprosesan dengan nilai keseluruhan mencecah RM71.5 juta diserahkan kepada JAS Johor untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Kes disiasat mengikut Akta Imigrasi 1959/63, Seksyen 18 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Seksyen 19 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Seksyen 13 (A) 6)

Shahrum (tengah) melihat sisa elektrik dan elektronik di sebuah kilang haram di Jalan Sungai Siput-Kuala Kangsar, semalam. (Foto BERNAMA)



Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Katanya, kes turut disiasat mengikut Undang-Undang Kecil 3 (1) dan 50 (1) pelesenan lesen perniagaan dan perindustrian MBJBSDI kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen sah.

"Polis menegakan aktiviti pemprosesan bahan binaan tanpa lesen bakan sahaja menyalahi undang-undang, tetapi juga boleh mengancam alam sekitar dan keselamatan awam.

"Masyarakat diminta terus menyalurkan maklumat sebarang aktiviti yang melanggar undang-undang kepada pihak berkuasa bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara," katanya.

Anggota PGA dalam Op Hazaar di kilang memproses e-waste secara haram di kawasan seluas 4.8 hektar di Jalan Sungai Siput-Kuala Kangsar, semalam. (Foto BERNAMA)



2.	TAJUK	JAS AMBIL TINDAKAN KILANG SIMPAN 50 TAN PELURU ELAK PENCEMARAN
	SUMBER	BH (17 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	7 (NASIONAL)

Isnin, 17 Februari 2025

Nasional



Mohamad Suzrin bersama Azlan (kanan) melihat kelongsong peluru dalam kilang e-waste haram di Telok Punglima Garang, Kelantan. (Foto BERHAMA)

## JAS ambil tindakan kilang simpan 50 tan peluru elak pencemaran

**Kuala Lumpur:** Kilang memproses sisa elektrik dan elektronik (e-waste) haram di Telok Punglima Garang yang disertai pihak berkuasa kelantan diumumkan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya JAS, Azlan Ahmad, berkata tindakan diambil mengikut Seksyen 30(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 bertujuan bagi menghentikan pencemaran.

Katanya, JAS sudah melakukan pemantauan lanjut serta memulau pemeriksaan ke atas kilang terbabit yang berpotensi menyebabkan berlaku pencemaran.

"Siasatan mendapati premis itu melakukan pelanggaran Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Tindakan POK ke atas kilang terbabit bagi mengesahkan pencemaran daripada terus berlaku yang seterusnya boleh menganggu kesihatan orang," katanya ketika dihubungi, semalam.

Azlan berkata, JAS sedang dalam proses melengkapkan kertas siasatan bagi tindakan perunda-

ngan ke atas premis terbabit.

"Pihak industri perlu memastikan peranan memastikan operasi kilang atau premis mereka memenuhi semua keperluan perundangan alam sekitar dan tidak melakukan pencemaran alam sekitar," katanya.

Dalam pada itu, katanya sebarang aduan berkaitan pencemaran alam sekitar boleh dilaporkan melalui talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke [aduan.kedoh.gov.my](mailto:aduan.kedoh.gov.my) dan melalui portal e-aduan JAS di <http://www.doe.gov.my>

Kelantan, BH melaporkan sebuah kilang memproses bahan e-waste yang beroperasi secara haram dekat Telok Punglima Garang, mene-

makan kira-kira 50 tan anak peluru, kelongsong serta peluru hidup yang diupai diseludup masuk ke negara ini.

Seruan dijalankan Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tengah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dibantu Pasukan Gerakan Udara (PGU) PDRM serta JAS.

### Tunda lesen lebur e-waste

Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Keselamatan Awam (KDNKA) Bukit Aman, Detik Mohamad Suzrin Mohamad Rodhi, dilaporkan berkata, seruan hasil daripada maklumat riakikan yang mendapati kilang yang sudah beroperasi lebih kurang dua tahun ini melupuskan e-waste secara haram.

Azlan turut dilaporkan berkata, pihaknya mendapati kilang terbabit tidak mempunyai lesen melaut dan melebur baring e-waste serta peluru.

Selain itu, katanya pihak JAS juga mendapati ada melakukan aktiviti meleburkan peluru, selain premis membuat penakaran terbuka serta kongsikan peralatan gas berbahaya.



Sebuah silo kilang memproses e-waste secara tidak sah di Mukim Punglima, Desa Cemerlang dan Telok Punglima, Jember Baru, Kelantan. (Foto: Irfan PERMAN)

3.	TAJUK	RAIDS NET RM1.4B IN ILLEGAL E-WASTE
	SUMBER	NST (17 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (NEWS/NATION)



MUSHROOMING MENACE

# RAIDS NET RM1.4B IN ILLEGAL E-WASTE

Dozens arrested, including a scientist from China, at facilities in three states

MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN  
SURI  
KUALA LUMPUR  
[news@nst.com.my](mailto:news@nst.com.my)

**N**ATIONWIDE raids on illegal e-waste storage and processing facilities led to seizures worth more than RM1 billion.

The largest haul came from a raid at an illegal facility in Sungai Siput, Perak, in which the authorities seized RM1.3 billion worth of equipment and materials. It also marked the biggest bust in five years.

In Johor, the authorities seized items worth RM71.5 million in raids on three factories while in Selangor, a factory in Teluk Panglima Garang was found processing ammunition and shell casings.

The seizures came only a year after a report showed that Malaysia was the world's second-largest dumping ground for plastic waste from the European Union.

In the Sungai Siput raid, 27 people, including a scientist from China, were detained by the Ulu Kinta General Operations Force (GOF) at a facility in the Rimba

Panjang Industrial Area. The factory, which had operated illegally for nine months, processed e-waste from countries such as Bolivia, Thailand, Oman, India and the United States.

Authorities uncovered several processing and smelting machines, e-waste incinerators, and a laboratory used to analyse and identify various metal types, including gold, copper, tin and other materials.

Northern Brigade Commander Senior Assistant Commissioner Shahrum Hashim said the operation was done in collaboration with the Perak Department of Environment (DoE) after a month-long intelligence-gathering.

"We seized over 1,000 jumbo bags, each weighing one tonne. Each bag contained various e-waste materials, including copper, tin, and aluminium," he said at the factory.

Those detained, aged between two and 60, comprised two Malaysians, 14 China nationals, 10 Myanmar nationals, and a two-year-old child, believed to be the offspring of one of the Myanmar workers.

The Malaysians were believed to be the factory owner and supervisor. The foreigners were handed to the Immigration Department.

Shahrum said the e-waste was believed to have been imported for processing before being re-exported for various purposes.

Perak DoE deputy director Muhamad Rizal Ramli said the factory had violated the Environmental Quality Act 1974, includ-



Northern Brigade Commander Senior Assistant Commissioner Shahrum Hashim checking the e-waste at an illegal factory in Jalan Sungai Siput-Kuala Kangsar in Sungai Siput yesterday. BERNAMA PIC



Enforcement officers examining sacks filled with shell casings at the e-waste facility in Telok Panglima Garang, Selangor on Saturday. NSTP PIC BY HAZREEN MOHAMAD

ing for operating without a licence.

He said samples of the e-waste would be sent to the Chemistry Department for analysis to determine the waste composition.

In Johor, police seized RM71.5 million worth of items from an illegal e-waste storage and processing facility from three factories in in Mukim Plentong, Desa Cemerlang, and Ulu Tiram on Friday.

Johor police chief Datuk M. Kumar said the operation, conducted with the state DoE and Johor Bahru City Council (MBJB) also led to the arrest of two foreign workers.

Among the items seized were 1,369 jumbo bags of various types of metals including iron, tin, copper, and automotive, electronic, and plastic components (estimated at 2,379 tonnes).

They also seized 47 machines

and processing equipment, 28 pallets of metals such as iron, tin, copper, and automotive and electronic components (estimated at 22.4 tonnes), and 19 tanks containing automotive components and iron powder (estimated at 41 tons)," he said.

Meanwhile, an e-waste processing factory in Teluk Panglima Garang, in Selangor, was found to be illegally storing 50 tonnes of sacks filled with ammunition and shell casings which were to be melted down.

DoE Hazardous Materials Division director Azlan Ahmad said the factory has been issued an Equipment Operation Detention order due to pollution concerns.

He said the DoE has completed the investigation papers for legal action against the premises.

Last year, Natural Resources and Environmental Sustainability Minister Nik Nazmi Nik Ahmad said 436 e-waste containers were intercepted from entering the country's ports between 2020 and last year.

Singapore's *The Straits Times* last year reported that Malaysia was the world's second-largest dumping ground for plastic waste from the EU.

4.	TAJUK	KILANG E-WASTE DIKENAKAN TINDAKAN POK
	SUMBER	HARIAN METRO (17 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	MUKA DEPAN, 8 (LOKAL)



PBAK berjasa menyedui sebuah kilang diayak memproses sisa elektronik (e-waste) secara haram pada operasi berskala di sebuah kilang logam yang beroperasi secara di kawasan Kangkung Tebu Manjung. Turut ditemui di kilang tersebut adalah kelongsong, anak peluru serta peluru hidup yang diproses secara haram.

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi  
[muhaad@mediana.com.my](mailto:muhaad@mediana.com.my)

**Kuala Lumpur**

Kilang memproses sisa elektronik atau e-waste yang beroperasi secara haram di Telok Panglima Garang, Kuala Lumpur dikenakan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) bagi menghentikan pencemaran.

Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya Jabatan Alam Sekitar (JAS), Azlan Ahmad berkata, tindakan diambil mengikut Seksyen 38(3)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Menurutnya, JAS sudah melakukan pemantauan

**SIMPAN 50 TAN PELURU, KELONGSONG**

# Kilang e-waste dikenakan tindakan POK

berterusan dan membuat pemeriksaan ke atas kilang tersebut yang berpotensi menyebabkan berlaku pencemaran.

Siasatan mendapati premis itu melakukan pelanggaran Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Tindakan POK bagi meng-

hentikan pencemaran daripada terus berlaku yang seterusnya boleh mengganggu kesihatan awam, katanya ketika dihubungi, hari ini.

Azlan berkata, JAS sedang melengkapkan kertas siasatan bagi tindakan

perundangan ke atas premis tersebut.

"PBAK Industri hendaklah memainkan peranan penting dalam memastikan operasi kilang atau premis mereka mematuhi semua keperluan perundangan alam sekitar dan tidak melakukan pencemaran alam sekitar," katanya.

Aduan berkaitan pencemaran alam sekitar boleh disalurkan melalui talian bebas tol 1-800-88-2743 atau e-mel ke [aduan.kjpdoe.gov.my](mailto:aduan.kjpdoe.gov.my) dan [aduan.doe.gov.my](mailto:aduan.doe.gov.my).

Metro Ahad semalam melaporkan kilang e-waste tersebut dikesan menyimpan 50 tan gumi mengandungi peluru dan kelongsong yang ingin dibur-

kan secara tidak sah.

Penemuan mengujurkan itu hasil serbuan dalam Ops Hazard oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tengah dengan dibantu Pasukan Gerakan Udara (PGU) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KIDNKA) Bukit Aman, Datuk Mohamad Suzrin Mohamad Rodhil, dipetik berkata, pihaknya menemui 50 tan gumi mengandungi anak peluru, kelongsong peluru dan peluru hidup yang cuba dihapuskan di kilang itu.

Menurutnya, berkaitan itu pihaknya sedang mengenal pasti negara sumber peluru berkenaan diperolehi.

5.	TAJUK	IMPORT DARI LUAR NEGARA : POLIS
	SUMBER	HARIAN METRO (17 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (LOKAL)

**JOHOR**

**Import dari luar negara: Polis**

**Johor Bahru:** Polis Johor membongkar aktiviti menyimpan dan pemprosesan e-waste secara tidak sah yang dipercayai membabitkan barangan diimport dari luar negara dengan rampasan bernilai RM71.5 juta.

Ketua Polis Johor, Datuk M Kumar berkata, dalam serbuan menerusi Op Taring Landai itu, tiga premis kilang di Mukim Pentoeng, Desa Cemerlang, Ulu Tiram antara jam 6.10 hingga 11 pagi, jumaat lalu.

Katanya, operasi dilakukan pihaknya bersama Jabatan Alam Sekitar (Jas) Negeri Johor dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) turut menahan dua lelaki warga asing yang ju-

ga pekerja premis.

"Antara barangan yang dirampas ialah 1,369 goni jambu berisi pelbagai jenis logam termasuk besi, timah, tembaga, serta komponen automotif, elektronik dan plastik dianggarkan seberat 2,379 tan.

"Turut dirampas 47 jentera dan mesin pemprosesan, 28 palet berisi logam seperti besi, timah, tembaga dan komponen elektronik serta automotif (anggaran 22.4 tan), 19 tangki berisi komponen automotif dan serbuk besi (anggaran 41 tan). Pihak polis turut merampas 13 tongkang besi dan komponen automotif (anggaran 53 tan), 10 tong gas, tiga telefon bimbit, dua tongku

besi, sebuah ketuhar pembakar besi, dan satu raga aluminium berisi komponen automotif (anggaran berat 2 tan)," katanya, semalam.

Kumar berkata, pelbagai bahan buangan dan peralatan pemprosesan turut dirampas.

Beliau berkata, keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM71.5 juta diserahkan kepada Jas Johor untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 18 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Seksyen 19 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Seksyen 13 (A) (6) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.



SERBUAN tiga premis kilang pemprosesan e-waste secara tidak sah dengan rampasan bernilai RM71.5 juta di Mukim Pentoeng, Desa Cemerlang dan Ulu Tiram.

6.	TAJUK	DUA LELAKI DITAHAN
	SUMBER	HARIAN METRO (17 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (LOKAL)



BATALYON 9 PGA, Briged Tenggara bersama jas melakukan pemeriksaan di kilang pelupusan barang terpakai di kawasan perindustrian Chendering, Kuala Terengganu.

## TERENGGANU

### Dua lelaki ditahan

**Kuala Terengganu:** Batalyon 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tenggara merampas bateri terpakai bernilai anggaran bernilai RM72,000.

Sisa elektronik (e-waste) dirampas dalam operasi di dua kilang pelupusan barang terpakai di kawasan perindustrian Chendering di sini, kelmarin.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, Op Hazard dijalankan PGA bersama Jabatan Alam Sekitar (Jas) Kuala Terengganu di dua premis berkenaan secara bernisyan antara 1.30 tengah hari hingga 2.30 petang.

Menurutnya, hasil pe-

meriksaan mendapati terdapat beberapa tong dan goni mengandungi bateri terpakai ditemui dalam premis tanpa dokumen yang sah daripada pihak Jas.

"Dua lelaki berumur 36 dan 49 tahun yang menjadi penjaga kepada kilang terbabit ditahan. Kes disiasat dibawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Berjajual) 2025," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, suspek dan barang rampasan dibawa ke Balai Polis Chendering untuk tindakan lanjut dan diserahkan kepada pihak Jas Kuala Terengganu.

7.	TAJUK	ENAM GUNI SASA E-WASTE TANPA DOKUMEN SAH DITEMUI
	SUMBER	HARIAN METRO (17 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (LOKAL)

## KELANTAN

# Enam guni sisa e-waste tanpa dokumen sah ditemui

**Kota Bharu:** Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas sisa elektronik e-waste selepas melakukan serbuan di kilang memproses sisa pelupusan di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa, kelmarin.

Operasi dijalankan Batalion 8 dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar pada 9-15 pagi menerusi Op Hazard hasil maulamat dan risikan yang diterima pihaknya.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros

Azhan Nik Ab Hamid berkata, hasil pemeriksaan mendapati terdapat enam guni mengandungi sisa komponen elektronik (e-waste) ditemui dalam kilang itu tanpa dokumen sah.

"Penjaga kilang itu berusia 47 tahun ditahan bagi membantu siasatan.

"Anggaran nilai rampasan bernilai hampir RM60,000 dan kes disiasat di bawah Seksyen 34B(1)(b) & (c) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Suspek dan barang rampasan dibawa ke Balai Polis Pengkalan Chepa untuk tindakan lanjut dan diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar (Jas) Kota Bharu," katanya menerusi satu kenyataan di sini, semalam.

Jelasnya, PGA dan Jas akan terus mempergiatkan usaha melupuskan sisa elektronik e-waste dengan kaedah yang betul agar kualiti alam sekitar tidak tercemar dengan bahan yang berbahaya.



PGA merampas sisa elektronik atau e-waste selepas melakukan serbuan di sebuah kilang memproses sisa pelupusan di kawasan perindustrian di Pengkalan Chepa, Kota Bharu.

8.	TAJUK	KILANG E-WASTE HARAM DI PERAK KENA SERBU : MAKMAL DIKENDALI WARGA ASING
	SUMBER	HARIAN METRO (17 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	10 (LOKAL)



Oleh Muhammad  
Zulsyamini Sufian Suri  
ams@hmetro.com.my

### Sungai Siput

Pasukan Gerakan Am (PGA) Hulu Kinta membongkar kegiatan memproses sisa elektronik (e-waste) haram dengan nilai rampasan lebih RM1.3 bilion dalam serbuan di sebuah kilang di Kawasan Perusahaan Rimba Panjang, di sini, Sabtu lalu.

Seorang saintis warga China antara 27 individu yang ditahan dalam serbuan menerusi Op Hazard bermula jam 9.30 pagi. Serbuan dilakukan oleh Unit Risikan Batalion 1, PGA Ulu Kinta bersama Jabatan Alam Sekitar (Jas) Perak, hasil risikan kira-kira sebulan.

Kilang terbabit terletak kira-kira dua kilometer (km) dari jalan utama melalui laluan berbatu kerikil dan tidak berdaftar dengan Jas bagi memproses e-waste.

Komander Briged Utara PGA, Senior Asisten Komisioner Stahrum Hashim berkata, tangkapan melibatkan dua lelaki warga tempatan dan 25 warga asing termasuk seorang kanak-kanak berusia dua tahun.

Menurutnya, warga tempatan yang ditangkap dipercayai berperanan sebagai pemilik hartanah dan penyelia yang mengendalikan pekerja di dalam kilang yang terdiri 11 lelaki warga China, 10 lelaki dan dua wanita serta kanak-kanak warga Myanmar.

Katanya, pemeriksaan di kilang seluas 4.8 hektar itu menemukan e-waste bersama beberapa mesin pemprosesan, peleburan, masak sisa e-waste, serta makmal bagi mengurai, menentukan jenis bahan logam termasuk emas, kuprum, timah dan tembaga.

Beliau berkata, hasil siasatan mendapati buangan yang disyaki buangan terjadual di kilang terbabit di-

bawa masuk dari China serta beberapa negara lain termasuk Amerika Syarikat, Bolivia, Oman dan Thailand.

Katanya, ia dibawa masuk melalui Pelabuhan Klang dan dibantar menggunakan kontena diisytiharkan sebagai barangan lain.

"Pemeriksaan di keseluruhan kawasan kilang ini, kita menjumpai beberapa komponen termasuk peralatan dan jentera, untuk dibawa ke kawasan peleburan, penguraian dan dihancurkan ke proses peleburan, pengalangan kepada unit logam sehinggalah hasil akhir yang sudah siap dimampat."

"Kita juga menemukan sebuah makmal yang dikendalikan oleh warga asing, dipercayai untuk membuat penyelidikan dari segi kualiti dan kuantiti e-waste yang sudah diproses.

"Tangkapan turut melibatkan seorang ahli saintis warga China berusia 60

tahun yang menguruskan makmal berkenaan," katanya dalam sidang media di lokasi serbuan, semalam.

Menurutnya, kesemua warga China yang ditahan mempunyai dokumen masuk ke negara ini.

Namun, katanya, siasatan lanjut mendapati mereka tidak mempunyai cop keluar dan masuk ke negara ini dan terdapat kemungkinan dokumen ter-

babit adalah palsu.

"Warga Myanmar yang ditahan pula tidak mempunyai sebarang dokumen.

"Semua mereka akan disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/61," katanya.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 34A (6) Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 kerana tiada kelulusan laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) dan Seksyen 14 Akta sama

kerana tiada lesen.

Menurutnya, persampelan yang dibuat Jas Perak mendapati buangan dikategorikan buangan terjadual SW110-EWASTE dan SW104-DEBU atau DROS yang mengandungi logam berat seperti aluminium, arsenik, raksa, plumbum dan pelbagai lagi, dengan sampel rasmi akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.



STAHURM (dua dari kanan) memajukkan sisa buangan elektrik dan elektronik (e-waste) yang dirampas.

9.	TAJUK	SINDIKET PROSES E-WASTE HARAM RM410J DI GEBENG, PEKAN TUMPAS
	SUMBER	BH (18 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	7 (NASIONAL)

BH Selasa, 18 Februari 2025

Nasional

# Sindiket proses e-waste haram RM410j di Gebeng, Pekan tumpas

Serbuan PGA temui puluhan guni sisa elektrik dipercayai dibawa masuk dari China

Oleh Asri Awang  
[ahnews@bh.com.my](mailto:ahnews@bh.com.my)

**Kuantan:** Sindiket pemprosesan sisa elektronik (e-waste) dan sisa berjadual yang beroperasi secara haram di dua kilang masing-masing di daerah ini dan di Pekan Tumpas dalam Op Hazard Satu lalu.

Dalam serbuan serentak di Ladang Kelapa Sawit Simpang di Pe-

kan dan kawasan perindustrian Gebeng, di sini, pihak berkuasa merampas pelbagai barang termasuk mesin bernilai RM410 juta.

**Diproses dan dijual semula:** Briged Tenggara PGA memaklumkan, pihaknya memusnahkan puluhan guni mengandungi pelbagai e-waste dan sisa berjadual seperti *black powder* (tambang/nikel), lebih 670 tan, perak yang belum dan sudah diproses.

Turut ditemui campuran barang terjadual, pelbagai mesin dan jentera memproses bahan pelupusan ditemui dalam kilang yang beroperasi tanpa dokumen sah daripada JAS itu.

Katanya, serbuan Op Hazard itu dilakukan secara bersama oleh Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am (PGA) bersama Batalion 7 PGA, Jabatan Alam Se-

kitar (JAS) Kuantan dan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang.

"E-waste dan sisa berjadual ini dipercayai dibawa masuk dari China untuk diproses dan dijual semula ke pasaran luar negara.

"Anggaran nilai rampasan mencah RM410 juta dan kes disiasat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Kanun Tanah Negara," katanya menerusi hantaran Facebook Briged Tenggara PGA Basmi.

Katanya, pihak berkuasa juga menahan seorang lelaki tempatan serta dua lelaki warga China dan Bangladesh yang menjadi penjaga premis untuk membanteras siasatan.

Menurut kenyataan itu, semua barang rampasan diserahkan kepada JAS dan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang untuk tindakan lanjut.



Op Hazard bongkar kegiatan pemprosesan e-waste di Ladang Kelapa Sawit Simpang di Pekan dan kawasan perindustrian Gebeng, Kuantan, Sabtu lalu.

### APA ITU E-WASTE?

Di Malaysia, ia dikategorikan buangan terjadual dengan kod SW110 di bawah Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

**Contoh:**  
 Barangan elektrik dan elektronik rosak, tidak berfungsi atau usang seperti telefon bimbit, komputer, televisyen, mesin basuh, peri sejuk dan pendingin hawa.



### CARA-CARA MENGHANTAR E-WASTE ANDA KE PUSAT PENGUMPULAN BERDAFTAR

**E-waste**



- 1 Hantar sendiri
- 2 Hubungi pusat pengumpulan untuk mengambil e-waste anda

**Pusat pengumpulan yang berdaftar**

### MENGAPA PERLU URUS SECARA MESRA ALAM

Barang toksik dan berbahaya dalam e-waste seperti merkuri, plumbum, kadmium, arsenik, bromin, berilium dan pelbagai lagi boleh meresap dalam bumi seterusnya sumber air, mengancam hidupan akuatik dan manusia.



Komponen e-waste juga mengandungi logam berharga seperti emas, perak, tembaga, platinum dan palladium yang mempunyai nilai kitar semula tinggi.



Sumber: JAMATAN ALAM SEKITAR Majalah BH



(Foto Ihsan JAS Pahang)

10.	TAJUK	3 ARRESTED IN RAIDS ON 2 ILLEGAL SITES
	SUMBER	NST (18 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (NATION/NEWS)

OP HAZARD

# 3 ARRESTED IN RAIDS ON 2 ILLEGAL SITES

Officers seize e-waste, believed to have been brought it from China, worth RM410m

T.N. ALAGESH  
Kuantan  
[alagesh@nst.com.my](mailto:alagesh@nst.com.my)

**M**ALAYSIAN authorities have arrested three individuals, including a Chinese national and a Bangladeshi, linked to the illegal processing of electronic waste (e-waste) valued at about RM410 million.

The operation was conducted last Saturday at two clandestine

facilities: one in the Gebeng industrial park and another at the Simpai oil palm plantation in Pekan.

In a series of photographs shared by the Pahang Environment Department (DoE), a large warehouse was shown, its floor covered with many large bundles.

The covered shed was encircled by oil palm trees. One image displayed a large container filled with small metal-like parts.



Seized electronic waste and scheduled waste at an illegal factory in Pekan yesterday. PIC FROM PAHANG ENVIRONMENT DEPT

The General Operations Force (GOF) Tenggara Brigade, in a Facebook post, said the raids were conducted along with the Pahang DoE and Pahang enforcement unit's (UPNP) elite team under Op Hazard.

During the operation, enforcement team members discovered the syndicates involved in processing e-waste and scheduled waste illegally in Kuantan and Pekan.

Dozens of sacks filled with, among others, copper and nickel, along with various types of processing machines were found at both premises, it said.

"The e-waste and scheduled waste were believed to be brought in from China to be processed locally before they are sold to a third country.

"All the seized items are estimated to be worth about RM410 million," it added.

GOF said both premises were being investigated under the Environmental Quality Act 1974 for offences including operating without an environmental impact assessment report and violating the National Land Code for occupation of land without permission from the appropriate authorities.

11.	TAJUK	BABIT NILAI RM410J : RAMPASAN SISA ELEKTRONIK, BUANGAN TERJADUAL HARAM UNTUK DIPROSES
	SUMBER	HARIAN METRO (18 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (LOKAL)



RAMPASAN sisa elektronik (e-waste) dan sisa berjadual yang dirampas di sebuah kilang haram di Pekan.

# Babit nilai **RM410j**

*Rampasan sisa elektronik, buangan terjadual haram untuk diproses*

## Kuantan

**P**ihak berkuasa beraja-ya menumpaskan sindiket memproses sisa elektronik (*e-waste*) dan buangan terjadual secara haram membabitkan nilai rampasan RM410 juta dalam serbuan di dua kilang berasingan di Pekan dan Gebeng, di sini, Sabtu lalu.

Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am (PGA) dalam kenyataan memaklumkan serbuan yang bermula jam 10.30 pagi itu

dilakukan Batalion 7 PGA, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kuantan dan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang di Ladang Kelapa Sawit Simpai, Pekan dan Kawasan Perindustrian Gebeng, di sini.

"Hasil serbuan menemukan puluhan guni sisa elektronik dan buangan terjadual seperti 'black powder' (tembaga/nikel), lebih 670 tan perak yang belum dan sudah diproses di samping pelbagai mesin dan jentera memproses bahan pelupusan tanpa

dokumen JAS.

"Anggaran nilai rampasan mencecah RM410 juta dan kes disiasat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Kanun Tanah Negara. Barang rampasan diserahkan kepada JAS Kuantan dan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Briged Tenggara PGA memaklumkan e-waste dan sisa buangan terjadual itu dipercayai dibawa masuk dari China untuk diproses dan dijual

semula ke pasaran luar negara.

"Hasil operasi itu juga, seorang lelaki tempatan dan dua lelaki warganegara China serta Bangladesh yang menjadi penjaga kepada kilang berkenaan ditahan bagi membantu siasatan.

"PGA dan JAS akan terus mempergiatkan usaha melupuskan sisa elektronik dengan kaedah yang betul agar kualiti alam sekitar tidak tercemar daripada bahan yang berbahaya," katanya.

12.	TAJUK	PGA RAMPAS 3-WASTE RM65 JUTA
	SUMBER	BH (19 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)

# PGA rampas e-waste RM65 juta

**58 individu di 12 premis di Sabah kena tahan tidak ikut peraturan JAS**

Oleh Fahmy A Rosli dan Juwan Riduan  
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Pasukan Gerakan Am (PGA) menahan 58 individu dan merampas pelbagai bahan sisa elektronik (e-waste) bernilai RM65 juta melalui Op Hazard Sabtu lalu.

Operasi itu sebahagian daripada serbuan serentak seluruh negara dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi mengesan kegiatan melanggar syarat sah permit.

Komander PGA Sabah, Dutaq Abdul Rani Alias, berkata 12 premis di seluruh negeri yang disyaki melakukan kesalahan berkenaan sudah diperiksa.

Katanya, dua premis beroperasi

si tanpa permit, manakala selebihnya melanggar syarat ditetapkan dalam permit JAS Sabah.

"Semua premis diperiksa selepas disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Keseluruhan tangkapan melibatkan 58 individu membabitkan 37 lelaki dan tujuh wanita tempatan, selain 11 warga Indonesia dan tiga Filipina.

"Nilai anggaran bahan sisa berjadual elektronik dirampas RM65.1 juta," katanya melalui kenyataan semalam.

Beliau berkata, siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 16(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

**44 kilang diambil tindakan** Sementara itu, di **Kuala Lumpur**, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata sehingga 31

Disember lalu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengambil tindakan terhadap 44 kilang memproses buangan elektronik (e-waste) haram.

Beliau berkata lapan daripada kilang terbabit sudah diarah tutup, manakala 36 lagi dalam proses tindakan perundangan di be-



Anggota PGA dan pegawai JAS Sabah menunjukkan sisa berjadual yang dirampas di Kota Kinabalu, semalam. (Foto: Isuan PGA)

wah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974).

Mengenai kilang pemprosesan e-waste yang memproses kelongsong peluru secara haram, beliau berkata, tindakan penguatkuasaan dijalankan di bawah AKAS 1974 dan premis itu disiasat di bawah tiga seksyen.

Katanya, kertas siasatan untuk tujuan pendakwaan juga akan disediakan atas semua kesalahan

di bawah akta sama.

"Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 18 akta yang sama kerana menjadi kemudahan pensyukuran luar tapak buangan terjadual tanpa mendapat lesen daripada JAS dan Seksyen 34A kerana gagal mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) kepada JAS, selain Seksyen 34B kerana menempatkan buangan terjadual



tanpa mendapat kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar.

"Dalam hal ini, premis telah diambil tindakan penahanan operasi kelengkapan di bawah Seksyen 38(1)(a) ke atas mesin pengeluaran yang diguna pakai di dalam premis tanpa sebarang alat kawalan," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Nik Nazmi memberi amaran tindakan tegas ke atas mana-mana pengimport barang berjadual seperti e-waste yang gagal mematuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan.

Beliau berkata, JAS komited memastikan Malaysia tidak menjadi tempat transit atau pelupusan e-waste negara maju selaras dengan Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Merentas Sempadan Buangan Berbahaya dan Pelupusannya.

13.	TAJUK	IKRAR PALSU SELUDUP 'SAMPAH'
	SUMBER	HARIAN METRO (19 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	7 (LOKAL)

# Ikrar palsu seludup 'sampah'

*JKDM dedah taktik sindiket penyeludupan barang buangan berjadual atau sisa elektronik (e-waste)*

Oleh Raja Noraina Raja Rahim  
rnoraina@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Sindiket penyeludupan barang buangan berjadual atau sisa elektronik (e-waste) dan skrap ke negara ini, disyaki membuat pengikraran palsu bagi membawa masuk barangan terabit.

Taktik itu didedahkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang menjalankan pemeriksaan sebelum berjaya mengesan 306 kontena berisi barangan buangan berkenaan.

JKDM berkata, ia hasil operasi khas e-waste yang dijalankan pihaknya di Pelabuhan Klang, Selangor pada Ogos sehingga Disember tahun lalu.

"Dari pada 336 kontena yang disyaki e-waste diperiksa secara bersama

oleh JKDM dan Jabatan Alam Sekitar (JAS), 306 daripadanya disahkan barangan e-waste dan diserahkan kepada JAS.

"Pengimportan barangan e-waste adalah larangan besar-besaran kecuali mengikut cara yang diperuntukkan mengikut Perintah Kastam (Larangan Mengenal Import) 2023 yang memerlukan surat kelulusan daripada Ketua Pengarah JAS," katanya pada kenyataan, semalam.

Menurut kenyataan itu lagi, JKDM sudah mengambil langkah proaktif dan penguatkuasaan secara berterusan bagi mengengkang aktiviti penyeludupan di pintu utama pelabuhan.

JKDM menegaskan, sebarang kesalahan boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 133 dan Seksyen 135 Akta Kastam 1967.

Terdahulu, Pasukan Gerakan Am (PGA) Jabatan Keselamatan Dalam Nege-



**Dari pada 336 kontena yang disyaki e-waste diperiksa secara bersama oleh JKDM dan JAS, 306 daripadanya disahkan barangan e-waste dan diserahkan kepada JAS"**

ri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman mengesan beberapa kilang haram memproses e-waste menerusi Op Hazard.

Op Hazard dilaksanakan serentak memabtkan kekuatan 705 anggota di seluruh negara sejak Sabtu lalu.

Setakat ini, 47 premis dan kilang haram yang menjalankan kegiatan memproses e-waste sudah diserbu.

JKDM

14.	TAJUK	TINGKAT KESIAPSIAGAAN BENCANA HADAPI KRISIS IKLIM TIDAK TERDUGA
	SUMBER	BH(21 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (RENCANA)

# Tingkat kesiapsiagaan bencana hadapi krisis iklim tidak terduga

● Pakar alam sekitar menganggarkan jumlah hujan tahunan Malaysia meningkat 15 peratus dalam tempoh 40 tahun lalu. Sejak 2020, kekerapan banjir meningkat mendadak

● Melindungi komuniti rentan daripada krisis iklim yang semakin memburuk memerlukan usaha yang terkoordinasi antara agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat



Oleh Sharika Tasnim  
bhrencana@bh.com.my

Ahli Jawatankuasa  
Institut Diraja  
Arkitek British  
(RIBA)

**Penemuan** terbaharu Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) memberikan gambaran membimbangkan: antara 2011 hingga 2020, suhu global meningkat 1.1 darjah Celsius berbanding tahap praindustri (1850-1900). Saintis memberi amaran bahawa pada kadar semasa, dunia berada di landasan melepasi ambang kritikal 1.5 darjah Celsius menjelang 2040 - titik perubahan boleh mencetuskan kesan iklim tidak dapat dipulihkan.

Perubahan iklim kini sedang mengubah corak atmosfera dan cuaca, menyebabkan peningkatan kejadian hujan lebat luar biasa serta ribut yang mendadak.

Menurut IPCC, pada kenaikan suhu 1.5 darjah Celsius, kejadian hujan lebat luar biasa dahulunya berlaku sekali sedekad akan menjadi 1.5 kali lebih kerap dan lebih 10 peratus lebih lebat.

Perubahan dalam dinamika iklim ini membawa risiko besar kepada masyarakat bandar dan luar bandar, mengancam infrastruktur, sumber pendapatan serta keselamatan awam.

Tanpa tindakan iklim tegas, pakar memberi amaran cuaca ekstrem seperti ini akan terus meningkat, menyebabkan jutaan orang terdedah kepada pemindahan dan kemelesetan ekonomi.

Kemajuan dalam sains kini membolehkan penyelidik menghubungkan perubahan iklim secara langsung kepada kejadian cuaca ekstrem dengan lebih tepat.

Kajian menunjukkan satu daripada empat kejadian hujan paling ekstrem dalam dekad lalu boleh dikaitkan secara langsung dengan perubahan iklim.

Pemanasan global bukan lagi fenomena

abstrak, ia kini sedang meningkatkan kejadian ribut dan risiko banjir di seluruh dunia.

Pada masa sama, Malaysia kekal sebagai antara negara paling rentan di Asia terhadap perubahan iklim, menghadapi ancaman semakin meningkat daripada kejadian cuaca ekstrem seperti gelombang haba, hujan lebat luar biasa, kemarau dan taufan tropika.

Ketika Malaysia berdepan masa depan iklim semakin tidak menentu, pakar menekankan keperluan strategi mitigasi dan adaptasi kukuh.

- Memperluaskan laluan pejalan kaki dan laluan basikal bagi menggalakkan mobiliti bandar mampan.

- Menukar kawasan kosong kepada ladang bandar bagi meningkatkan keselamatan makanan dan daya tahan komuniti.

- Menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dalam industri bagi mengurangkan pelepasan karbon.

- Melaksanakan insentif berasaskan pasaran untuk penanaman semula hutan, meningkatkan penalti bagi pembalakan haram dan memperkenankan cukai karbon untuk mengekang kemusnahan alam sekitar.

## Ancam ekonomi, keselamatan

Antara kebimbangan utama adalah peningkatan kekerapan banjir besar, yang kini menjadi ancaman utama kepada ekonomi negara dan keselamatan rakyat.

Pakar alam sekitar menganggarkan jumlah hujan tahunan Malaysia meningkat 15 peratus dalam tempoh 40 tahun lalu. Sejak 2020, kekerapan banjir meningkat dengan mendadak.

Pada 2021 sahaja, negara ini merekodkan lapan kejadian banjir besar, iaitu empat kali ganda daripada purata sejarah dua kejadian setahun seperti dinyatakan dalam pangkalan data bencana antarabangsa EM-DAT pada Mei 2023.

Walaupun banjir di negara ini mungkin kelihatan kecil berbanding bencana global, kesannya terhadap ekonomi dan masyarakat adalah luar biasa.

Antara 2008 hingga 2022, banjir menyebabkan kira-kira 935,000 rakyat kehilangan tempat tinggal sama ada secara sementara atau kekal, selain mengakibatkan kerugian ekonomi 0.13 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) tahunan negara.

Banjir besar pada Disember 2021 menyertakan keperluan mendesak untuk pengurusan banjir dan strategi daya tahan iklim lebih baik.

Data sejarah menunjukkan kadar hujan di negara ini meningkat secara berterusan dari 1951 hingga 2020 dan model iklim meramalkan trend ini akan berterusan.

Jika langkah penyesuaian tidak segera diambil, banjir yang dahulunya berlaku setiap 100 tahun boleh menjadi perkara biasa setiap 50 atau bahkan 25 tahun.

Pada tahun ini, banjir luar biasa melanda Bintulu, sekali gus wajar menjadi amaran kepada negara.

Dalam apa digambarkan penduduk sebagai bencana banjir terburuk dalam beberapa dekad, Bintulu mengalami bencana luar biasa selepas dua hari hujan lebat berterusan.

Beberapa kawasan seperti perumahan dan loji pengeluaran petrokimia ditenggelami air, walaupun tempat berkenaan sebelum ini tidak pernah mengalami banjir.

Penduduk yang sudah menetap lama di kawasan berkenaan terkejut apabila paras air meningkat dengan pantas, menenggelamkan rumah, perabot, peti sejuk dan barang keperluan.

Seorang penduduk yang menetap di kawasan itu lebih 30 tahun mengambarkan kemusnahan yang berlaku: 'Ini kali pertama kawasan perumahan kami dilanda banjir. Air naik dengan begitu cepat, sebelum kami sedar, ia sudah menecah paras lutut di dalam rumah.'

## Ambil iktibar bencana di Bintulu

Banjir luar biasa, yang dikategorikan sebagai 'banjir kejutan', berlaku apabila hujan turun melebihi ramalan, menyebabkan kawasan yang sebelum ini dianggap selamat tiba-tiba ditenggelami air.

Kejadian ini memberi amaran jelas bahawa perubahan iklim semakin memperhebatkan corak cuaca, menjadikan kesiapsiagaan bencana lebih kritikal daripada sebelumnya.

Dengan kemusnahan Bintulu masih segar dalam ingatan, persoalannya kini adalah sejauh mana Malaysia bersedia untuk menghadapi banjir besar seterusnya?

Model iklim menunjukkan kadar hujan dan kekerapan banjir akan terus meningkat, menjadikan tindakan segera suatu keperluan.

Melindungi komuniti rentan daripada krisis iklim yang semakin memburuk memerlukan usaha yang terkoordinasi antara agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat.

Langkah mitigasi dan adaptasi mesti disesuaikan dengan keperluan spesifik serta dilaksanakan dengan input tempatan bagi memastikan keberkesanan jangka panjang.



15.	TAJUK	RM3,8 BILION SISA ELEKTRONIK DIRAMPAS
	SUMBER	HARIAN METRO (21 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (LOKAL)

Oleh Hafidzrul Hilmi Mohd Noor  
hafidzrul@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**P**olis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) berjaya merampas RM3.8 bilion sisa elektronik (e-waste) dalam operasi dijalankan pada 1 Januari 2024 hingga 17 Februari lalu.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), Datuk Seri Azmi Abu Kassim berkata, daripada jumlah itu sebanyak RM2.68 bilion dirampas

# RM3.8 bilion sisa elektronik dirampas

## 246 individu turut ditahan dalam operasi bersepadu PDRM, JAS

menerusi Ops Hazard yang dijalankan pada 15 Februari lalu.

"Rampasan membabitkan 22.9 juta kilogram (kg) e-waste, selain itu fasiliti seperti mesin pemproses, mesin penimbang berat, mesin pemprosesan timah dan sebagainya sebanyak RM83 juta.

"Manakala bagi nilai rampasan kenderaan adalah sebanyak RM29 juta

serta rampasan lain-lain seperti minyak, plastik, blok masam dan sebagainya berjumlah RM67.8 juta," katanya pada sidang media bersama Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Datuk Wan Abdul

**“Rampasan membabitkan 22.9 juta kilogram (kg) e-waste Azmi**

Latiff Wan Jaffar di Bukit Aman di sini, semalam.

Azmi berkata, menerusi operasi yang dijalankan, seramai 246 individu ditahan yang mana 218 adalah lelaki, 27 (wanita) dan seorang kanak-kanak.

"Tangkapan terdiri daripada pelbagai warganegara termasuk warga tempatan, China, Myanmar, Bangladesh, Indonesia, Kemboja dan Filipina.

"Semua tangkapan membabitkan lingkungan umur antara dua hingga 60 tahun," katanya.

Menurutnya, pihaknya kini sedang menyalisat dan

mengenal pasti dalam kegiatan utama dalam kegiatan e-waste ini terutamanya membabitkan warganegara asing yang bertindak sebagai pemilik dan pengendali kilang haram itu.

"Kita masih menyalisat dan mengenal pasti sama ada syarikat yang ditahan ini terbabit antara satu sama lain dan ada hubungkait bersama.

"Untuk pembanterasannya e-waste ini memerlukan kerjasama yang jitu antara semua elemen penguatkuasaan undang-undang di Malaysia.

"PDRM dan JAS sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan lain demi kepentingan negara," katanya.



AZMI (kiri) bersama Wan Abdul Latiff pada sidang media Op Hazard PGA-JAS di Dewan Theatre, Bukit Aman. Gambar: NSTP/ELZABETH SUHAMSUDIN

16.	TAJUK	1. SINDIKET BAWA MASUK GUNA LALUAN LAUT 2. PROSES TIDAK TERKAWAL BOLEH UNDAK PELBAGAI RISIKO KESIHATAN
	SUMBER	HARIAN METRO (21 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (RENCANA)

**Kuala Lumpur:** Sindiket sisa elektronik (e-waste) dikesan membawa masuk barangan berkenaan dari negara luar melalui pelabuhan menggunakan laluan laut.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDANKA), Datuk Seri Azmi Abu Kassim berkata, hasil soal siasat pihaknya mendapati e-waste dihantar menggunakan kontena melalui jalan darat ke kilang pemrosesan haram.

## Sindiket bawa masuk guna laluan laut

"E-waste yang siap diproses menjadi bentuk jongkong seperti besi, timah dan tembaga akan dieksport semula ke luar negara. Proses ini membatik peleralan dan pengasingan logam berharga tanpa lesen yang sah daripada JAS.

"Sisa e-waste mengandungi logam berharga seperti emas, perak, tembaga, platinum dan palladium yang

mempunyai nilai kitar semula yang tinggi," katanya pada sidang media bersama Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar di Bukit Aman di sini, semalam.

Azmi berkata, pihaknya juga mengesan objek

berbahaya seperti sisa amunisi menerusi Ops Hazard yang dijalankan pada 15 Februari lalu.

"Namun penemuan dan ancaman keselamatan sebenar adalah bahaya sisa e-waste yang diproses secara haram ini yang

mengandungi bahan toksik dan berbahaya seperti merkuri, plumbum, kadmium, arsenik, bromin, berilium, dan pelbagai lagi yang jauh lebih memberikan kesan buruk kepada negara.

"Sisa e-waste berupaya membahayakan kehidupan, menjejaskan kesihatan kita dan menyebabkan kemerosotan kualiti alam sekitar," katanya.

Menurutnya, pihaknya juga kini sedang menyiasat negara asal sisa amunisi yang dibawa ke negara ini sebelum ditempatkan di kilang haram.

"Sisa amunisi dipercayai berada di kilang haram kurang sebulan lalu dan dihantar bersama barangan e-waste yang lain.

"Siasatan lanjut masih dijalankan untuk menentukan sumber dan tujuan sisa amunisi berkenaan ditangkap dan dihantar kepada kilang ini," katanya.

**"Sisa amunisi dipercayai berada di kilang haram kurang sebulan lalu"**  
Azmi

## Proses tidak terkawal boleh undang pelbagai risiko kesihatan

**Kuala Lumpur:** Sisa elektronik (e-waste) yang melalui proses tidak terkawal boleh menyebabkan pelbagai risiko kesihatan termasuk kanser kepada penduduk yang tinggal berdekatan.

Ketua Pengarah Alam Sekitar Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar berkata, pelbagai bahan kimia boleh dilepaskan ketika proses pelepasan e-waste termasuk

logam berat seperti arsenik yang boleh menyebabkan kanser.

"Jika hasil sampingan kilang haram ini tidak disimpan dengan betul, ia boleh meresap ke dalam tanah dan mencemari air tanah atau sungai.

"Kami juga mendapati banyak kilang haram ini tidak mempunyai sistem penapisan corong asap yang betul," katanya pada sidang

media bersama Pengarah SW10 sebagaimana dinyatakan di bawah Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Buangan e-waste daripada pemasangan elektrik dan

elektronik yang mengandungi komponen seperti akumulator, suis raksa, kaca daripada tiub sinar katod dan kaca teraktif atau kapasitor bifenil terpoliklorin yang lain atau yang dicemari dengan kadmium, raksa, plumbum, nikel, kromium, litium, perak, mangan atau bifenil terpoliklorin.

"Selain itu, peralatan elektrik dan elektronik

yang tamat tempoh hayat tidak boleh lagi digunakan dan bendaklah dilupuskan secara mesra alam di kemudahan yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya.

Katanya, tahun lalu, JAS sudah melakukan 44 pemeriksaan ke atas kilang yang memproses e-waste secara haram, lapan diarahkan tutup manakala baki sedang dalam siasatan.

**"Ia boleh meresap ke dalam tanah dan mencemari air tanah, sungai"**  
Wan Abdul Latiff

17.	TAJUK	COPS : FOREIGN LINK TO ILLEGAL WASTE PLANTS
	SUMBER	NST (21 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	4 (NEWS/NATION)

ARREST OF CHINA SCIENTIST

# COPS: FOREIGN LINK TO ILLEGAL WASTE PLANTS

Registered Malaysian owners of factories likely acting as proxies, says Bukit Aman

AUSTIN CAMOENS  
KUALA LUMPUR  
austin@nst.com.my

**T**HE authorities believe illegal waste processing factories raided in recent operations have foreign backing.

Investigators are looking into this angle after a scientist from China was among those arrested in one of the raids.

Federal police Internal Security and Public Order Department director Datuk Seri Azmi Abu Kassim said it was possible that these factories were registered to Malaysians acting as proxies for people abroad.

"Investigations by police together with the Department of Environment are ongoing," he told reporters at federal police headquarters in Bukit Aman.

Azmi said these syndicates were believed to have smuggled in waste through falsely declared shipping containers.

"These containers were usually declared as scrap metal or plastic to avoid detection.

"The false declarations are causing some confusion in identifying the source of the waste.

"We believe these syndicates would process the waste to extract precious metals, such as copper, tin, platinum, palladium, silver and gold, which would then be exported," he said, adding that many of these factories did not have licences or permits.

Azmi said on Feb 15, the General Operations Force's Northern Brigade swooped down on a plant in Sungai Siput and arrested a scientist from China.

"The 56-year-old man had worked at the plant for over a year. He specialised in analysing and sorting electronic waste for gold, copper, tin and aluminium.

"He also had experience in analysing and monitoring the smelting process," he said.

Azmi said part of the probe would focus on the country of



Federal police Internal Security and Public Order Department director Datuk Seri Azmi Abu Kassim (left) and Department of Environment director-general Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar holding a press conference at the federal police headquarters in Bukit Aman, Kuala Lumpur, yesterday to update the media on the authorities' crackdown on illegal waste processing. NSTP PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN

origin for the e-waste.

"We are determining if a syndicate is involved in the smuggling.

"We will hold a discussion with other agencies, such as the Inland Revenue Board, Customs Department and local councils, on follow-up action against these e-waste factories," he said.

Azmi said police had seized RM2.8 billion worth of illegal e-waste this year alone under Op Hazard, almost three times the RM1 billion confiscated for the whole of last year.

"Since January last year, we have raided 90 illegal waste factories nationwide, leading to RM3.8 billion in materials and assets seized.

"A total of 538 people were detained. Most of the arrests were in Teluk Panglima Garang, Selangor, and Perak, where 246 individuals were detained on Feb 15 under Op Hazard," he said, adding that

among those arrested were 27 women and a child.

Azmi said 70 of those arrested were locals, 56 were from China, 70 from Myanmar, 28 from Bangladesh, 15 from Indonesia, four from Cambodia and three from the Philippines.

Azmi said on Feb 15, police raided 47 factories nationwide, which led to the seizure of RM2.68 billion in waste weighing 22.9 million kg.

"We also seized facilities and equipment worth RM83 million, 128 vehicles worth RM29 million, as well as other items such as oil, plastics and smelting blocks worth RM67.8 million.

"The GOF Northern Brigade seized RM1.61 billion worth of waste, the Central Brigade seized RM701.68 million, the Southeastern Brigade seized RM401.1 million, the Sarawak Brigade seized RM76.4 million and the Sabah Brigade seized RM65.1 million," he said.

18.	TAJUK	'UNREGULATED WASTE PROCESSING CAN RELEASE TOXINS'
	SUMBER	NST (21 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	4 (NEWS/NATION)

## 'Unregulated waste processing can release toxins'

**KUALA LUMPUR:** Unregulated processing of waste poses numerous health risks, including cancer, to those living nearby.

Department of Environment (DoE) director-general Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar cited electronic waste as an example, saying various chemicals could be released during smelting, including heavy metals such as arsenic which can cause cancer.

"If the by-products of these illegal factories are not stored properly, they can seep into the ground and contaminate ground-water or rivers.

"We also found that many of the illegal factories do not have proper chimney filtration systems," he told reporters at the federal police headquarters in Bukit Aman.

Wan Latiff said e-waste was categorised as a scheduled waste under the First Schedule of the Environmental Quality Regulations (Scheduled Waste) 2005 of the Environmental Quality Act.

"E-waste comprises electrical appliances and electronics, which contain components such as accumulators, mercury switches, glass from cathode ray tubes and activated glass, polychlorinated biphenyl capacitors.

"These are contaminated with cadmium, mercury, lead, nickel, chromium, lithium, silver, manganese or polychlorinated biphenyls.

"Electrical and electronic equipment that have reached the end of their useful life can no longer be used and must be disposed of in an environmentally

friendly manner at facilities licensed by the DoE," he said.

Wan Latiff said, last year, the DoE inspected 44 factories that processed e-waste, with eight being ordered to be closed.

The rest, he added, were under investigation.

Wan Latiff said 462 containers inspected at ports nationwide between 2023 and 2024 were found to have contained imported e-waste.

He said 140 containers had been sent back and the remaining were being prepared to be sent to their countries of origin.

Wan Latiff said the DoE was working with the Customs Department on container inspections.

Wan Latiff said the Customs Department would call in the DoE if it suspected that contain-

ers contained e-waste.

"If it does contain e-waste, we will issue an order so that the items will be sent back to their country of origins," he said, adding that DoE officers were not stationed at ports permanently.

Wan Latiff said the 47 premises raided under the recent Op Hazard were being investigated under the Environmental Quality Act.

"Fifty-nine notices and 27 compounds were issued for various offences. Fifty-two investigation papers will be opened," he said, adding that they would push for those responsible to be charged under Section 34B of the EQA.

Under this section, offenders face a maximum fine of RM10 million and imprisonment of not more than five years.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**